

14/01/2001

PM temui kakitangan kerajaan

REMAU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengadakan pertemuan dengan kakitangan kerajaan yang berkursus di Pusat Bina Negara, Ulu Sepri dekat sini semalam.

Pertemuan itu diadakan secara tertutup dan difahamkan kursus itu dikendalikan Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri manakala pesertanya kakitangan kanan kerajaan.

Wartawan pula hanya dibenarkan menunggu di luar malah kawasan letak kereta juga dikosongkan dengan kawalan polis di pintu pagar.

Selepas kursus tamat kira-kira jam 1 petang, Dr Mahathir yang tiba di pusat itu kira-kira jam 8.30 pagi, kemudian bersama tetamu jemputan menghadiri jamuan Aidilfitri sebelum beredar kira-kira jam 2 petang.

(END)